



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NEGARA KERUGIAN RM10 BILION ANGKARA SERANGAN PEROSAK, PENYAKIT INVASIF - MAFI, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	ISTERI TIMBALAN MENTERI MAFI MENINGGAL DUNIA, KELANTAN, HAKAKAH -H12	
3.	LARANGAN IMPORT LEMBU, KERBAU DITARIK BALIK, NASIONAL, BH -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	CEROBOH AMBIL PENYU DI PERAIRAN NEGARA, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	IKAN TEMOLEH, KELISA DILARANG TANGKAP DI TASIK KENYIR, NEGERI TERENGGANU, SH -26	
6.	UREA BIRU TINGKATKAN HASIL PADI, DALAM NEGERI, UM -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	SMART SBB PERLUASKAN LADANG PADI, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
8.	BERNAS PERLUAS LOKASI SMART SBB, DALAM NEGERI, UM -7	
9.	CAP GESA AKTA HALAL HARAM DIPERKENALKAN, LOKAL, HM -2	
10.	ORANG ASLI FISHERMEN NEED LICENCE TO STAY OUT OF TROUBLE WITH AUTHORITIES, SAYS REP, NEWS, THE STAR -3	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Negara kerugian RM10 bilion angkara serangan perosak, penyakit invasif - MAFI



Dr Ronald Kiandee

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) merekodkan negara kerugian hampir RM10 bilion dalam tempoh lima tahun ini berikutan serangan perosak dan penyakit invasif ke atas bukan sahaja hasil tanaman malah perdagangan berkaitan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dengan keadaan semasa ekonomi dunia yang terjejas

akibat pandemik Covid-19, pastinya negara tidak mahu kehilangan hasil pertanian akibat ketidakbolehan pasaran atau kemusnahan hasil pertanian.

Beliau berkata, akibat serangan serangga perosak dan penyakit invasif itu akan memburukkan lagi keadaan ekonomi semasa jika tidak ditangani.

"Berdasarkan kepada maklumat terkini daripada pihak Food and Agriculture Organization (FAO), perosak dan penyakit tanaman sudah mengakibatkan kerugian ketara hasil tanaman makanan sebanyak 20 hingga 40 peratus.

"Selain itu, ia turut mencatatkan kerugian dalam perdagangan produk pertanian dunia melebihi AS\$220 bilion atau bersamaan dengan hampir RM1 trilion," katanya dalam ucapan sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara ABS Greentech Sdn Bhd bersama syarikat agro-teknologi antarabangsa iaitu Lentiz Education Group, Priva Horticulture, Powerplants Australia dan Rijk Zwaan, di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Mafi I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Datuk Zahimi

Hassan, Ketua Pengarah Eksekutif ABS Greentech Sdn Bhd, R M Ravichandar dan Timbalan Presiden Priva Horticulture B V, Bram Koppert.

Ronald berkata, beliau difahamkan pemain industri itu adalah antara yang terkenal dalam bidang pertanian moden peringkat antarabangsa yang bersedia berkongsi pengalaman dan pendekatan negara dalam terus membangunkan serta menggalakkan penggunaan teknologi yang sesuai.

"Ini khususnya dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) untuk meningkatkan pemahaman mengenai kemampuan sistem dan teknologi pertanian. IPM juga antara kriteria dalam pensijilan amalan

pertanian baik (myGAP) untuk menjamin kualiti dan keselamatan produk pertanian yang dihasilkan.


"Saya percaya, kepakaran dan teknologi yang diperkenalkan daripada kerjasama ini akan lebih menggalakkan lagi penggunaan inovasi dalam sektor pertanian negara. Seterusnya meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pertanian serta mewujudkan peluang pasaran baru bagi hasil pertanian Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pemeteraian MoU itu adalah antara usaha berterusan MAFI dalam menambah baik program pengurusan perosak tanaman yang adalah satu daripada bidang tumpuan utama di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0) ke arah memastikan sekuriti dan keselamatan makanan negara.

Menurutnya, melalui kerjasama itu, usahawan khususnya petani muda akan diberi latihan jangka pendek dalam pengurusan tanaman terutamanya membabitkan penggunaan teknologi terkini bagi aktiviti agronomi dan program pengurusan perosak yang lebih mesra alam, menjimatkan serta selamat untuk biodiversiti.

"MAFI sentiasa memberikan sepenuh sokongan bagi inisiatif seumpama ini dan mengharapkan jalinan kerjasama berterusan di antara syarikat, Jabatan Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) terus diperkasa.

"Saya yakin dan percaya, majlis hari ini menjadi satu bukti komitmen pihak industri dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam melaksanakan pengurusan perosak secara mampan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan demi memperkukuhkan lagi jaminan Sekuriti Makanan Negara," katanya.



Dr Nik Zawawi Salleh bersama arwah isterinya.

Isteri Timbalan Menteri MAFI meninggal dunia

Oleh **ZULKIFLI HUSSIN**

PASIR PUTEH: Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dato' Dr Nik Zawawi Salleh kehilangan isterinya Wan Sofiza Eliana Wan Yusof, 30-an meninggal dunia akibat kanser.

Allahyarham meninggal dunia kira-kira jam 1.05 petang Selasa di Ampang Selangor.

Sehari sebelum itu pada lontaran di Facebooknya Dr Nik Zawawi memohon doa keajaiban umat Islam buat isterinya yang sedang tenat melawan penyakit kanser.

Menurut sumber keluarga arwah meninggal dunia

di Taman Kosas, Ampang meninggalkan tiga anak hasil perkongsian hidup dengan timbalan menteri terbabit.

Jenazahnya dibawa pulang ke Melawi, Bachok. Allaharham baru dikesan menghidap kanser dua tiga bulan lepas.

Sementara itu Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Seri Ahmad Hamzah merakam takziah rakan sejawatnya yang kehilangan isteri tercinta.

"Semoga roh Allahyarhamah Wan Sofiza dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman," ujarnya.

Larangan import lembu, kerbau ditarik balik

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengumumkan penarikan balik larangan import lembu dan kerbau dari Thailand, berkuat kuasa serta-merta.

JPV dalam kenyataannya, berkata jabatan itu dan Department of Livestock Development Thailand (DLD) mencapai persetujuan mengenai langkah pengawalan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) membabitkan pengimportan lembu dan kerbau.

"Keputusan ini dibuat selepas beberapa penambahbaikan dalam peraturan dan prosedur import dilakukan.

"Keputusan ini juga turut mengambil kira langkah-langkah mitigasi yang boleh diambil di dalam negara bagi mengawal penyakit LSD," katanya.

Sehubungan itu, JPV memohon semua peserta industri, termasuk pengimport, peraih dan penternak memberi kerjasama dengan memastikan pembelian ternakan dari Thailand dibuat melalui pembekal ternakan yang sah dan berdaftar dengan DLD.

Jelasnya, ini bagi memastikan segala prosedur dalam pengawalan penyakit LSD dapat dipatuhi dan mengelakkan dari ternakan berpenyakit masuk ke Malaysia.

Ceroboh ambil penyu di perairan negara

17 nelayan Vietnam mengaku salah di Mahkamah Sesyen Kemaman

Oleh NORHASPIDA YATIM

KEMAMAN

Seramai 17 nelayan Vietnam mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas dakwaan mengambil penyu di perairan negara pada 11 Disember tahun lalu.

Tertuduh terdiri daripada seorang tekong dan 16 kru bot didakwa di bawah Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 kerana mengambil penyu di perairan perikanan Malaysia.

Kesemua tertuduh berdepan tiga lagi dakwaan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan dalam perairan perikanan Malaysia tanpa permit, Seksyen 29 Akta Perikanan 1985 kerana memusnahkan peralatan menangkap ikan dan Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985 iaitu gagal memaklumkan pihak berkuasa setelah memasuki perairan perikanan Malaysia.

Hakim Wan Suhaila Mohd memerintahkan tekong bot di-



Seramai 17 nelayan Vietnam ditahan pada 11 Disember tahun lalu oleh Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Negeri Terengganu.

denda sehingga RM600,000 atau penjara enam bulan, manakala kru bot didenda RM300,000 setiap seorang atau dipenjarakan tiga bulan.

Sementara itu, di mahkamah sama, dua tekong dan 21 kru nelayan Vietnam mengaku salah atas dua pertuduhan ketika dihadapkan ke mahkamah pada Isnin.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dalam perairan perikanan Malaysia tanpa permit dan Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 kerana menangkap ikan menggunakan pukat tunda dua bot.

Mahkamah memutuskan tekong bot didenda sehingga RM600,000 atau penjara enam bulan manakala

kru bot masing-masing didenda RM300,000 setiap seorang atau dipenjarakan tiga bulan.

Kesemua 40 tertuduh tidak membayar denda dan dipenjarakan, manakala kesemua barang kes termasuk tiga bot serta wang lelong ikan bernilai RM5,000 dilucut hak.

Pendakwaan kes itu dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perikanan Malaysia, Abdul Halim Jaffar dan Mohamad Akram Sallehudin, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Suhaimi Ismail.

Kesemua 40 nelayan asing itu ditangkap Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Terengganu pada jarak 70 dan 60.1 batu nautika dari Kuala Kemaman pada 13 Ogos dan 11 Disember tahun lalu.

Ikan temoleh, kelisa dilarang tangkap di Tasik Kenyir

HULU TERENGGANU - Penguatkuasaan dijalankan secara berkala bagi memastikan tidak berlaku tangkapan bagi dua spesies ikan yang dilarang tangkap tanpa permit iaitu spesies temoleh dan kelisa di Tasik Kenyir.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perhutanan Terengganu dan beberapa pihak penguat kuasa lain.

"Sebelum ini kita ada menerima beberapa aduan berkenaan aktiviti menangkap ikan tanpa kawalan di kawasan Tasik Kenyir. Pihak jabatan ada

membuat siasatan dan rondaan di kawasan terlibat.

"Penguatkuasaan itu antara lain dilakukan bagi melindungi dua spesies ikan berkenaan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah Perikanan Darat Terengganu 1988 (Pindaan 1993) di bawah Kaedah 3 (4) iaitu jenis ikan yang dilarang tangkap tanpa permit," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Ruzaidi menegaskan, sebarang aktiviti tangkapan ikan perlu mendapat kelulusan bagi mengelak spesies berkenaan terancam dan pupus.

"Tasik Kenyir di bawah kawalan Ketengah dan aktiviti menangkap ikan menggunakan peralatan menangkap ikan perlu mempunyai lesen mengikut



Ruzaidi (dua dari kanan) ketika pelepasan benih ikan dan udang di Sungai Leban Kerbat, Tasik Kenyir pada Selasa.

Kaedah - Kaedah Perikanan Darat Negeri Terengganu," katanya.

Ruzaidi sebelum itu menyertai aktiviti pelepasan 157,000 ekor benih ikan lampam sungai,

baung dan udang galah ke perairan Sungai Leban Kerbat di sini pada Selasa bagi tujuan penambahan sumber perikanan.

Peningkatan sumber itu di-

jangka memberi manfaat kepada 21 nelayan darat yang berdaftar di bawah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan aktiviti ekopelancongan di Tasik Kenyir.

17/3/2022

UTUSAN

DALAM

9

MALAYSIA

NEGERI

Urea biru tingkatkan hasil padi

PENDANG: Syarikat pengeluar ammonia dan urea kedua terbesar di Asia Tenggara, PETRONAS Chemicals Group Berhad (PCG) berjaya membantu pesawah meningkatkan pengeluaran hasil padi menerusi baja baharu, Agrenas Dimethylpyrazole Phosphate (DMPP) Treated Urea (DTU) atau dikenali sebagai urea biru.

Agrenas DTU yang mempunyai kadar penyerapan lebih efisien diperkenalkan pada program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) PETRONAS Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) secara rintis di Kampung Nam Dam, Kubur Panjang di sini bermula April 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Chemicals Fertiliser Kedah Sdn. Bhd. (PCFKSB), Noor Arifin Othman berkata, program PTPB disertai 68 pesawah yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang meliputi 75 hektar kawasan penanaman padi memasuki musim kedua tahun ini.

Menurutnya, penuaian



NOOR Arifin Othman (tengah) dan Shaharudin Bakar (tiga dari kiri) bersama para petani menunjukkan baja urea biru pada program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Petronas-Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Kampung Nam Dam, Kubur Panjang, Pendang baru-baru ini. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

padi projek rintis PTPB musim pertama dengan menggunakan kaedah dan prosedur standard yang ditetapkan menghasilkan peningkatan kepada lebih enam

tan metrik sehektar berbanding kira-kira tiga tan metrik sehektar sahaja musim terdahulu. Teknik penanaman padi secara sistematik dan bimbingan

pakar dengan memberi khidmat nasihat kepada pesawah terutamanya penggunaan baja Agrenas DTU dan racun serangga berjaya meningkatkan hasil padi, seterusnya menambah pendapatan pesawah yang menyertai program PTPB," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau program PTPB di Kampung Nam Dam, Kubur Panjang di sini baru ini.

Noor Arifin memberitahu, pphak PCG percaya hasil padi keluaran program PTPB akan lebih banyak sekiranya kawasan ini mempunyai sistem pengairan yang lebih baik.

"Projek kami berpaksaan kepada kejayaan hasil tuaian pertama pada tahun lepas dan tuaian kedua tahun ini.

"Berdasarkan kejayaan projek rintis tersebut, kami mahu memperkenalkan baja Agrenas DTU di kawasan tanaman padi di PPK Kubur Panjang melibatkan kawasan seluas 500 hektar seterusnya ke seluruh negeri ini dan juga di negeri-negeri yang lain," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Teknikal Pembangunan Produk Baja dan Pakar Agronomi PCG, Shaharudin Bakar memberitahu, penggunaan baja itu dapat mengurangkan kehilangan nitrogen daripada larut lesap atau denitrifikasi dalam tanah. Seterusnya mengurangkan kadar pencemaran air.

Produk ini juga adalah bersesuaian dengan strategi kelestarian PETRONAS.

Menurutnya, baja itu meningkatkan penyerapan nitrogen (N) oleh pokok padi, mengurangkan kadar transformasi ammonium (NH₄⁺) kepada nitrit (NO₂⁻) dan nitrat (NO₃⁻) serta memanjangkan masa ketersediaan nutrien kepada tumbuhan tersebut.

"Hasil kajian projek perintis PTPB musim pertama menunjukkan peningkatan lebih 50 peratus hasil keluaran padi berbanding penggunaan urea biasa.

"Penyerapan yang lebih baik oleh pokok padi akan dapat meningkatkan kesuburan pokok serta mengeluarkan hasil padi yang lebih banyak dan berkualiti tinggi," ujarnya.

Smart SBB perluaskan ladang padi

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA – Pacu berbas Nasional Berhad (BERNAS) di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) telah melaburkan keluasan hektar ladang padi kepada 12 lokasi di seluruh negara dengan penglibatan hampir 465 pesawah berdaftar.

SMART SBB merupakan satu program kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), syarikat-

syarikat peneraju seperti BERNAS, Lembaga Zakat-Negeri Kedah (LZINK) dan lain-lain lagi bersama pesawah.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang BERNAS, Northisham Abdul Rahman berkata, penglibatan pesawah merupakan elemen terpenting program tersebut.

"Sehingga kini, BERNAS telah berjaya membentuk pakatan kerjasama yang baik dengan hampir 465 orang pesawah berdaftar. Apa yang pasti,

program ini tidak mungkin berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada para



PENGGUNAAN jentera moden melengkapi proses untuk meningkatkan hasil pertanian golongan petani.



BERNAS sentiasa meningkatkan pengetahuan pesawah ke arah pembangunan dan amalan teknologi bagi pengurusan tanaman padi.

merupakan antara perintis amalan pertanian lestari dalam sektor penanaman padi, turut bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan.

"Kerjasama strategik ini merupakan satu platform yang mana mereka akan menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran di dalam bidang yang berkaitan.

"Pelbagai inisiatif sedang dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat seperti amalan kejuruteraan ekologi dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)," ujarnya.

Tambah beliau, turut dititikberatkan adalah penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah, penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengalaman jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain.

"Katanya, pihak BERNAS percaya bahawa ia merupakan suatu perancangan yang tepat ke arah pembangunan sektor padi tempatan, sekali gus memupuk kesedaran akan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, mewujudkan keseimbangan ekologi di sawah, melindungi kesihatan pesawah dan memperbaiki pengetahuan teknikal pesawah termasuk kawalan penyakit di sawah.

pesawah.

"Usaha kolektif secara berterusan ini amat penting dalam mendedahkan para pesawah tempatan dari segi pembangunan dan pengalaman teknologi pengurusan tanaman padi yang disesuaikan dengan perkembangan semasa, sekali gus mencapai objektif mentransformasi sektor padi dan beras negara," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Norhisham menjelaskan, Program SMART SBB BERNAS memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi.

Tambahnya, BERNAS yang



17/3/2022

UTUSAN

DALAM

7

MALAYSIA

NEGERI

BERNAS perluas lokasi SMART SBB

PETALING JAYA: Padiberas

Nasional Berhad (BERNAS) terus memacu perkembangan positif dalam pengeluaran beras negara dengan melebarkan keluasan hektar ladang padi di bawah Program Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

Bermula dengan empat lokasi penanaman pada awal tahun lepas, usaha kini diperluaskan kepada 12 lokasi di seluruh negara.


Setakat ini, lokasi yang terlibat meliputi kawasan di Sungai Batu Pahat dan Titi Tinggi di

Perlis; Bukit Besar, Kedah; Sungai Manik, Perak; Tok Kamis dan Jelor, di daerah Pasir Putih, Kelantan; Gong Dasar, Terengganu; Gancong Hulu, Rompin Pahang; Batang Lepar, Sarawak serta Kampung Kalumbai, Kota Belud di Sabah.

SMART SBB merupakan satu program kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), syarikat - syarikat peneraju seperti BERNAS, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan lain-lain lagi bersama pesawah.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang BERNAS, Norhisham Abdul Rahman berkata, penglibatan pesawah merupakan elemen terpenting program ini.

"Setinggi kini, BERNAS telah



ini, BERNAS yang merupakan antara perintis amalan pertanian lestari dalam sektor penanaman padi, turut bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi tempatan.

"Kolaborasi strategik ini merupakan satu platform di mana mereka akan menawarkan khidmat nasihat serta kepakaran di dalam bidang yang berkaitan.

"Pelbagai inisiatif sedang dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat seperti amalan kejuruteraan ekologi dalam Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Turut dititikberatkan ialah penggunaan jentera moden yang berupaya memelihara kelestarian tanah, penggunaan teknologi dron pelbagai aplikasi, pengamalan jadual kerja ladang yang lebih sistematik dan pelbagai amalan pertanian baik yang lain.

"BERNAS percaya bahawa ini merupakan suatu perancangan yang tepat ke arah pembangunan sektor padi tempatan, sekaligus memupuk kesedaran akan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, mewujudkan keseimbangan ekologi di sawah, melindungi kesihatan pesawah dan memperbaiki pengetahuan teknikal pesawah termasuk kawalan penyakit di sawah," kata beliau.

TAPAK projek SMART SBB BERNAS di Tok Kamis, Pasir Putih, Kelantan.

berjaya membentuk pakatan kerjasama yang baik dengan hampir 465 orang pesawah berdaftar. Apa yang pasti, program ini tidak mungkin berjaya tanpa komitmen yang tinggi daripada para pesawah.

"Usaha kolektif secara berterusan ini amat penting dalam mendedahkan para pesawah tempatan dari segi pembangunan dan pengamalan teknologi pengurusan tanaman

padi yang bersesuaian dengan perkembangan semasa, sekaligus mencapai objektif mentransformasi sektor padi dan beras negara," ujar Norhisham. Turut bekerjasama sebagai rakan pembimbing dalam usaha ini adalah agensi-agensi pertanian utama seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA),

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Jabatan Pertanian Negeri (JPN), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan sebagainya. Program SMART SBB BERNAS Menerapkan Amalan Pertanian Lestari Beralih dari konsep pertanian konvensional, Program SMART SBB BERNAS memfokuskan ke arah amalan pertanian lestari dan berteknologi tinggi. Bagi merealisasikan usaha

Bernas

BERNAS

17/3/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

2

lokal

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa memperkenalkan Akta Halal Haram bagi membantu memastikan pengeluaran bertindak lebih bertanggungjawab dalam melabelkan produk makanan sebagai halal.

"Gesaan ini sudah dibuat CAP sejak 30 tahun lalu dan sehingga hari ini, tidak banyak kemajuan dicapai berhubung perkara berkenaan," kata Presidennya, Mohideen Abdul Kader pada kenyataan semalam.

Menurut Mohideen, ketika ini, beban bagi membuktikan status produk halal terletak kepada pengguna manakala penggabalan undang-undang dan membuat

dasar dipinggirkan oleh pihak berkuasa sejak bertahun-tahun.

"Sebelum ini, negara digemparkan dengan isu kartel yang didakwa merasuah pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM) bagi mengimport dan menjual daging tidak disembelih menurut kaedah Islam atau diperolehi daripada pemegang taruh yang tidak dituluskan.

"Keadaan ini mencetuskan kemarahan dalam kalangan pengguna Islam dan menganggap ia satu pencabulan kepada agama.

"Malah, dalang kartel daging itu dikatakan memberi rasuah kepada pegawai ter-

tentu bagi membawa masuk daging yang tidak disahkan ke Malaysia dan melepaskannya sebagai produk yang disahkan sebagai halal," katanya.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, sudah tiba masanya bagi kerajaan memperkenalkan Akta Halal Haram dan pada masa sama, meminda akta sedia ada yang menyentuh mengenai isu terbabit.

Katanya, akta itu akan mewujudkan permintaan bagi produk halal Malaysia, yang mana selaras dengan dasar ke-

rajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai pengeluar terbesar produk halal di dunia.

"Undang-undang sedia ada perlu dipinda supaya dapat memberikan kefahaman

CAP gesa Akta Halal Haram diperkenalkan

yang lebih baik mengenai penggunaan perkataan halal di dalam makanan atau produk.

"Contoh, mengikut Akta Makanan,

undang-undang mengenai pelaburan makanan perlu dipinda bagi memastikan ramuan haram dinyatakan pada label. Jika bahan itu boleh diperolehi daripada beberapa sumber, maka pengeluar perlu menyatakan daripada mana sumber itu diperolehi.

"Ini akan membantu pengguna Islam bagi mengelakkan sebarang makanan dan produk yang mengandungi bahan yang meragukan atau haram," katanya.

Menurut Mohideen, akta itu akan memberi lebih kuasa kepada pihak berkaitan dalam melaksanakan penyalan yang lebih ketat dan penguatkuasaan ke atas rantaian bekalan halal.



AKTA Halal Haram mampu melindungi kebolehsasaran daging import tidak halal.

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

THE Federal and Johor governments are urged to address the plight of unlicensed Orang Asli fishermen in Johor.

Senator Datuk Isa Ab Hamid, who represents the Orang Asli community in the peninsula, said fishermen faced many problems with the authorities because of their unlicensed status.

He said it was common to find Orang Seletar and Orang Kuala fishermen in Johor who don't own a licence.

"But they are dependent on the sea for their livelihood," he said.

He added that there were 100 Orang Seletar fishermen in Johor Baru, 200 in Pasir Gudang and more than 200 unlicensed Orang Kuala fishermen in villages along the Batu Pahat and Pontian Besar coastline.

Isa said fishermen complained of getting into trouble with the authorities for fishing illegally.

Orang Seletar and Orang Kuala, he explained, were not used to agriculture and farming.

As such, he stressed that it was important to legalise their fishing trade so that they could continue to earn an income.

"I have raised this matter in the Dewan Negara but there has been no response or solution from the government," he said.

He also highlighted the matter to Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Klандее.

"The minister advised Johor to submit a report to the ministry on

Orang Asli fishermen need licence to stay out of trouble with authorities, says rep

of years.

Their lives revolved around their boathouses and they only used to come ashore to bury their kin.

In the late 1960s, the then Orang Asli Affairs Department relocated the Orang Seletar community to villages set up for them.

Today, there are about 3,000 Orang Seletar living in nine settlements in south Johor – Kampung Bakar Batu Perling, Kampung Teluk Kabung, Kampung Simpang Arang, Kampung Sungai Temun, Kampung Pasir Salam, Kampung Pasir Putih, Kampung Kuala Masai, Kampung Teluk Jawa and Kampung Kong Kong.

However, the younger generation who got married and had families, have resorted to building homes along the coastline as there was no room for them in the villages.

Isa hoped that the new Johor government would consider awarding land to the Orang Seletar for them to build houses.

"The ownership of the land should be non-transferable and the Orang Seletar must be prohibited from selling the land to outsiders (non-Orang Seletar)," he said.

Orang Seletar are considered as part of the Orang Laut natives of the Straits of Johor and are one of the 18 Orang Asli groups in Malaysia. Their interests are looked after by Jakoa.



Orang Seletar fisherman Man Othman with his catch of the day at the Kampung Bakar Batu Perling jetty in Johor Baru.

the issue if it wants the problem resolved," said Isa.

"The fishermen can fish freely if they are licensed. They can also breed cockles and mussels to supplement their income," he elaborated.

He said fishermen could expect to earn RM5,000 a year from farming cockles and mussels.

Another major issue the Orang Seletar face is poor living conditions, especially the younger gener-

ation who has built homes along the coastline," said Isa.

He described their living standards as deplorable as many erected homes on stilts along the fringes of Teluk Kabung, Teluk Jawa and Pasir Putih.

According to the Orang Asli Development Department (Jakoa), these sea nomads have lived on traditional longboats – known as *perahu pekayang* – in the seas of Johor and Singapore for hundreds